

Oleh RAZAK RASHID GHOWS  
gayautusan@mediamulia.com.my

# Perjuangan 24 tahun Anwar dibukukan

**P**ENULISNYA menyifatkan buku ini sebagai buku ilmiah dan juga buku popular kerana ia

berkisar pada perjuangan Perdana Menteri ke-10.

Buku *Anwar Ibrahim - Tenacious in Dissent, Hopeful in Power* hasil nukilan Khoo Boo Teik, memperihalkan mengenai Anwar dari zaman beliau bergiat dalam Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (ABIM) sehingga menjadi PM.

Ia adalah catatan liku-liku kehidupan Anwar, cabaran hidup yang dihadapinya, zaman beliau diangkat sebagai Timbalan Perdana Menteri, kemudian dipecat, dipenjarakan, kembali semula dalam era reformasi, dipenjarakan lagi dan akhirnya berjaya mencapai harratnya selama 25 tahun untuk menjadi perdana menteri.

Buku ini dilancarkan bulan lalu oleh Penasihat Khazanah Research, Prof. Dr Kwame Sundram.

Buku ini perlu dibaca dengan sepenuh perhatian bagi membolehkan pembaca memahami bahasa digunakan kerana ada perkataan tertentu yang mungkin agak sukar digarap pembaca umum. Naskhah ini bukan sekadar sebuah biografi sebaliknya turut mencakupi segala aspek kehidupan seorang pemimpin.

## Anwar Ibrahim

Tenacious in Dissent, Hopeful in Power



KHOO BOO TEIK

**BUKU *Anwar Ibrahim - Tenacious in Dissent, Hopeful in Power.***

Perjuangan beliau pada peringkat awal adalah sebagai Presiden ABIM. Pada 1974

beliau menyokong perjuangan petani di Baling, Kedah dan dipenjarakan selama hampir

dua tahun.

Dari perjuangan dalam ABIM, Anwar kemudian dibawa masuk ke UMNO oleh Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sejarah mencatatkan bagaimana Anwar kemudian berjaya mendaki dari satu jawatan ke jawatan lain dalam parti UMNO sehinggalah berjaya menduduki tempat kedua sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri.

Seterusnya seperti diketahui umum, karier politik Anwar menemui zaman senjanya apabila pada September 1998 beliau dipecat daripada jawatan dan dipenjarakan selama enam tahun.

Pada 2008, menurut catatan dalam buku ini, Anwar kembali sebagai ketua pembangkang dan mempunyai harapan cerah untuk merampas kuasa.

Tetapi pada 2015 Anwar sekali lagi dipenjarakan tetapi selepas Pakatan Harapan (PH) menang pada Pilihanraya Umum (PRU-14) 2018, beliau mendapat pengampunan.

Pada PRU-15, PH sekali

lagi berpeluang membentuk kerajaan dan Anwar diangkat menjadi perdana menteri selepas berjuang selama 24 tahun.

Persoalan yang ditimbulkan oleh penulis buku ini - apakah dalam perjuangannya selama ini, Anwar seorang *troublemaker* seperti dilabelkan musuh politik atau seorang pemimpin karismatik?

Buku ini mengkaji siapa Anwar dalam kerangka transformasi politik Malaysia pada suku pertama abad ke-21.

Menurut Khoo, buku ini bukan sebuah biografi dan kajian menyeluruh politik dan idea Anwar sebaliknya ia mengabungkan biografi, sejarah dan politik untuk menganalisis idea dan visi Anwar dan lebih daripada itu perjuangannya melangkaui lima rejim - Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi, Najib Razak, Muhyiddin Yassin dan Ismail Sabri Yaakob.

Buku itu mencakupi segala-galanya mengenai karisma dan personaliti Anwar dan perjuangan memerangi rasuah dan ideanya mengenai pemulihan ekonomi.

Buku setebal 408 halaman ini diterbitkan oleh Strategic Information and Research Development Centre.

Selain buku ini, Khoo Boo Teik pernah menulis buku *Paradoxes of Mahahirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad* dan *Beyond Mahathir: Malaysian Politics and its Discontents*.